



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 1999**

**BAYARAN INSENTIF TUGAS PENGURUSAN STOR**

**TUJUAN**

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi insentif kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) PT(P/O) yang menjalankan tugas dalam bidang pengurusan stor.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah memutuskan untuk memberi Bayaran Insentif Tugas Pegurusan Stor (BITPS) kepada PT(P/O) yang menjalankan tugas dalam bidang pengurusan stor. Keputusan Kerajaan membayar BITPS adalah sebagai galakan kepada PT(P/O) untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam bidang pengurusan stor.

## **PELAKSANAAN**

### **Kelayakan**

3. PT(P/O) yang layak dibayar BITPS adalah mereka yang menjalankan tugas pengurusan stor sepenuh masa dalam bidang berikut –
  - a. kawalan stok; dan
  - b. penstoran;
4. Tugas yang terlibat dengan bidang pengurusan stor di perenggan 3 di atas adalah seperti di **Lampiran A**. Penjelasan lanjut berhubung dengan bidang tugas berkenaan boleh dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia.
5. PT(P/O) yang dilantik secara kontrak dan sementara yang menjalankan tugas pengurusan stor sepenuh masa dalam bidang seperti yang dinyatakan di perenggan 3 juga layak dibayar BITPS.

### **KADAR**

6. BITPS dibayar di atas kadar berikut –
  - a. RM40.00 sebulan kepada PT(P/O) yang tidak mempunyai sijil; dan
  - b. RM80.00 sebulan kepada PT(P/O) yang mempunyai sijil.
7. Bagi tujuan memperolehi sijil, PT(P/O) perlu menduduki dan lulus peperiksaan yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia.

### **PERATURAN**

8. PT(P/O) yang dibayar BITPS tetapi meninggalkan tugasnya selama 28 hari dan lebih secara berturut-turut tidak layak dibayar bayaran insentif berkenaan bagi tempuh tersebut.

Walau bagaimanapun, pengecualian diberi kepada mereka yang meninggalkan tugasnya bagi tempuh yang tidak melebihi 92 hari berturut-turut termasuk hari kelepasan mingguan dan kelepasan am, dalam keadaan berikut –

- a. Menghadiri kursus yang diarahkan oleh Ketua Jabatan;
  - b. Menjalankan tugas rasmi atas arahan Ketua Jabatan; dan
  - c. Bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit mengikut Perintah Am Bab 'C'.
9. BITPS dibayar secara *proportionate* bagi PT(P/O) yang tidak bertugas genap sebulan.

#### **TARIKH KUATKUASA**

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Mei 1999.

#### **PEMAKAIAN**

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

#### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



( TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

Ogos 1999